



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti jadual di bawah bagi tawaran berikut:

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR BEKALAN/PERKHIDMATAN	KOD BIDANG KEMENTERIAN KEWANGAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMATSEBUT HARGA
MDA/SH/02/2024	Tawaran Sebut Harga Perkhidmatan Pembersihan Pejabat Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Enam (6) Bulan Untuk Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	221001 (wajib berdaftar dalam kod bidang di atas untuk menyertai sebut harga)	Tiada taklimat.

2. Penyebut harga yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika ada) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga akan diberikan nombor siri untuk tujuan pengawalan.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat mulai **27 Februari 2024 (Selasa)** sehingga **5 Mac 2024 (Selasa)** di Pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan dengan harga **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja)** senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Deraf** atas nama **Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**. Wang Tunai/ Cek tidak diterima.
4. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dihantar ke pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547 Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya, Selangor. Penyebut harga hendaklah mengemukakan Cadangan Sebut Harga **sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga** iaitu pada **5 Mac 2024 (Selasa)**. Tawaran sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
5. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan tidak terikat menerima Sebut Harga yang terdedah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga. Semua perbelanjaan berkaitan dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab penyebut harga sendiri.